

Pusat Kerjaya dan Alumni UMS adakan Bengkel Next Profiling

UB 18.7.2019 B2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Kerjaya dan Alumni (PKA) mengadakan Bengkel Next Profiling pada 9-10 Julai bertempat di Bilik Seminar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk melahirkan kumpulan individu yang boleh memberikan nasihat dan bimbingan kerjaya kepada mahasiswa, membolehkan pihak jabatan dan fakulti

menganalisa keperluan untuk latihan dan program berfokus di universiti.

Ia juga bagi menggalakkan perkongsian antara fakulti dan pusat dalam aspek pencapaian kadar kebolehpasaran graduan dan menjalinkan hubungan akademik yang lebih baik antara pusat dan fakulti terlibat.

Seramai 40 orang wakil fakulti yang terdiri daripada pensyarah dan kakitangan pentadbiran serta barisan


pegawai-pegawai psikologi UMS hadir dalam sesi bengkel dua hari itu.

Turut hadir adalah Pegawai TalentCorp Malaysia Siti Noratikah Kasmoi, Pegawai TalentCorp Malaysia Azreen Afzan Md Nasir, Alfred Leo - Pengarah Urusan GTI Media Sdn Bhd juga selaku penceramah, Pengarah PKA UMS Prof. Madya Dr Lai Yew Meng, Timbalan Pengarah Mohd. Raffie Hj. Janau, dan Pegawai Psikologi UMS Nurul

Fatiha Firdaus Roslan.

Dalam pengisian bengkel berkenaan peserta diperkenalkan kepada kaedah bimbingan naratif.

Ini memberi penekanan kepada kepentingan 'sejarah' individu untuk pilihan kerjaya yang baik. Peserta bengkel diperkenalkan kepada asas teori dan pengalaman praktikal dalam mentafsir dan menggunakan pendekatan atas talian seperti Profil Nilai, Profil Minat, Profil



SESI bergambar bersama penceramah dan peserta selepas tamat Bengkel Next Profiling.

Kecenderungan dan Profil Kemahiran.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Dr. Ismail Ali,

menganggap bengkel ini amat penting dalam aspek pembangunan profiling kerjaya terutamanya kepada bakal-bakal graduan UMS.

Diharapkan agar fakulti dapat bekerjasama dengan PKA untuk menjayakan pelaksanaan Next profiling bermula September 2019.